
Title	Perkembangan pendidikan bahasa Melayu di Singapura dengan rujukan khusus tentang latihan guru-guru Melayu
Author(s)	Kamsiah Binte Abdullah
Source	World Congress on Malay Language with theme of Malay as an international language: Vision and convictions, 21 - 25 August 1995, Kuala Lumpur, Malaysia

Copyright © 1995 The Author

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

Citation: Kamsiah Abdullah. (1995, August). *Perkembangan pendidikan bahasa Melayu di Singapura dengan rujukan khusus tentang latihan guru-guru Melayu*. Paper presented at the World Congress on Malay Language with theme of Malay as an international language: Vision and convictions, Kuala Lumpur, Malaysia.

This document was archived with permission from the copyright holder.

Perkembangan Pendidikan Bahasa Melayu Di Singapura dengan
Rujukan Khusus Tentang Latihan Guru-guru Melayu

by

Kamsiah Binte Abdullah

(Paper presented at the World Congress on Malay Language
with theme of Malay as an International Language:
Vision and Convictions. Kuala Lumpur,
21 - 25 August 1995)

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU DI SINGAPURA DENGAN RUJUKAN KHUSUS TENTANG LATIHAN GURU-GURU MELAYU.

Dr Kamsiah Abdullah

Pengenalan

Pendidikan bahasa merupakan satu gagasan yang luas - mencakupi pelbagai aspek bahasa; pengajaran bahasa, pembelajarannya dalam situasi formal dan tidak formal, pemerolehan bahasa ibunda, penguasaan bahasa-bahasa kedua dan mungkin juga penghayatan bahasa sebagai satu sarana pemikiran dan seni budaya yang disanjung tinggi.

Guru pula merupakan tulang belakang sesuatu sistem pendidikan, sama ada pendidikan bahasa maupun mata pelajaran lain, ilmu duniawi dan juga ukhrawi. Seterusnya apabila membincangkan tentang pendidikan bahasa Melayu di Singapura, kedua-dua gagasan tidak dapat pisahkan kerana peri pentingnya peranan guru, khususnya guru-guru Melayu Singapura dalam hal-hal yang bersangkutan dengan bahasa Melayu. Guru-guru bahasa Melayu di Singapura adalah pejuang dan aktivis bahasa Melayu, mereka dari awal lagi berdiri teguh dibelakang bahasa Melayu sebagai cerminan jiwa, budi, identiti dan budaya Melayu dalam konteks keanekaan Singapura dari segi bangsa, bahasa, budaya dan agama.

Kertas kerja ini akan cuba menyorot perkembangan sistem pendidikan Melayu di Singapura dan implikasinya terhadap bentuk latihan dan nasib guru-guru tersebut. Oleh itu akan disentuh: pertama sistem pendidikan yang membawa kepada atau yang menjadi kerangka persekolahan dan kedua polisi pendidikan dan polisi bahasa yang menentukan perlakuan dan pilihan seseorang dalam menangani isu-isu bahasa tersebut. Tumpuan akan diberi kepada isu-isu pendidikan yang berkaitan dengan bahasa Melayu sahaja kerana kesan polisi pendidikan Singapura terhadap sesuatu bahasa, seperti bahasa Mandarin, Inggeris dan Tamil, tidaklah serupa, dan implikasinya dalam banyak hal, bergantung pada keadaan, persekitaran dan sejarah khusus sesuatu bahasa dan komuniti bahasa tersebut.

Singapura, seperti juga Malaysia, mewarisi sistem pendidikan kolonial British yang menyediakan pendidikan dasar atau rendah kepada rakyat peribumi di daerah-daerah luar bandar di samping menggalakkan pendidikan sekular bagi sekolah-sekolah aliran Inggeris di bandar-bandar bagi tujuan-tujuan yang berbentuk utilitarian. Pendidikan dalam bahasa Melayu, yang menurut Raffles, adalah "suatu bahasa yang indah dan sangat berguna" secara formal, boleh disusur kepada ura-ura *Stamford Raffles* untuk menubuhkan Kolej Melayu yang di antara lain bertujuan untuk menjadi pusat yang tetap bagi mengumpul dan menyusun sejarah dan tradisi orang-orang *Malayan* dan pusat bagi pengajian bahasa-bahasa Timur.

Walaupun Kolej Melayu ini tidak kesampaian tetapi penubuhan penggantinya, '*Singapore Institution*', yang dibincang sejak tahun 1823 hingga 1834 memberi peluang memperkenalkan idea tentang suatu Jabatan Persuratan atau Sastera dan Moral untuk orang-orang Melayu. Apabila *Singapore Free School* di buka pada bulan August 1934 dengan lima orang guru Melayu, 12 orang murid lelaki Melayu telah mendaftar. Jabatan Melayu sekolah tersebut berkembang dan sehingga tahun 1840 seramai 51 orang murid lelaki

Melayu telah mahir membaca dan menulis dalam bahasa Melayu. Sayangnya perkembangan Jabatan Melayu sekolah ini terhenti kerana penutupannya pada tahun 1942.

Antara tahun 1835 - 1854 terdapat perbalahan dan pertentangan pendapat di antara penyokong-penyokong 'sekolah Inggeris' dan 'sekolah-sekolah vernacular' iaitu sekolah Melayu. Sekolah Harian Melayu yang pertama pula dibuka pada tahun 1856, di Telok Blanga dan kampung Gelam dengan dana yang lumayan disumbang oleh keluarga Sultan Johor. Sekolah-sekolah Melayu ini mula bercambah dan berkembang walaupun terdapat suara-suara yang mengatakan bahawa orang-orang Melayu pada masa itu tidak memberatkan pelajaran.

Keadaan semasa menyakinkan Skinner, nazir pertama bagi sekolah-sekolah di Negeri-negeri Selat untuk mendirikan sebuah Sekolah Tinggi Melayu jika terdapat keperluan atau permintaan. Hasilnya sebuah Sekolah Tinggi Melayu dapat dibuka pada tahun 1876 di istana lama Maharaja Johor di Telok Blanga dengan seramai 40 orang murid sebagai permulaan dan pelajaran dipertingkat ke Darjah IV. Di samping itu dua buah Sekolah Abdullah yang sudah pun berfungsi sehingga di peringkat yang sama. Begitulah keadaan pelajaran di sekolah-sekolah Melayu, kurikulum dibentuk hanya sekadar membolehkan seseorang menjadi celek huruf, boleh membuat kira-kira mudah dan boleh melakukan pekerjaan tangan dan kraf tangan yang membolehkan mereka menyara hidup lebih baik sedikit dari ibu bapa mereka yang rata-rata menjadi petani dan nelayan, seperti kata Ketua Setiausaha Negeri-negeri Selat:

"Tujuan kerajaan bukanlah untuk menyedika para remaja yang berpelajaran tinggi atau menyediakan segelintir murid yang kurang berpendidikan, tetapi ia lebih bertujuan untuk memperbaiki keadaan hidup masyarakat tersebut; untuk menjadikan anak-anak nelayan seorang nelayan yang lebih baik, anak seorang petani menjadi petani yang lebih baik dari ayahnya"

Dalam konteks Singapura pada akhir kurun kesembilan belas, yang sudahpun menjadi pusat perniagaan dan pelabuhan 'entreport' yang besar di rantau ini, bentuk pelajaran seperti ini ternyata sekadar 'melepaskan batuk di tangga' sahaja.

Namun yang nyata ialah sekolah-sekolah ini dapat diterima masyarakat setempat kerana permintaan terhadap guru-guru pelatih yang akan mengisi keperluan sekolah-sekolah Melayu kemudian mendesak Sekolah Melayu di Telok Blanga itu dijadikan sebuah Maktab Perguruan yang pertama. Dalam masa 17 tahun pertama maktab tersebut dibuka, Singapur ialah yang menghasilkan guru-guru Melayu yang terlatih bagi seluruh Tanah Melayu. Sedihnya ialah maktab tersebut juga terpaksa ditutup pada tahun 1895 atas alasan kurang pendanaan. Enam tahun kemudian (1901) baru maktab tersebut diganti oleh Maktab Perguruan di Melaka yang berjaya menjadi pusat pelajaran Melayu sebelum penubuhan Maktab Perguruan Melayu Sultan Idris di Tanjong Malim, Perak.

Tujuan sekolah-sekolah Melayu ini dari awal lagi ialah untuk *"regulate the studies; to separate entirely the Quran and Malay instruction and above all to give the teacher himself some interest in the growth and prosperity of the school"*. Dengan itu pengajaran dan pembelajaran Al-Quran mestilah dipisahkan dari pengajaran bahasa Melayu, dan elaan guru diberi hanya berdasarkan kepada pelajaran bahasa Melayu, bukan pelajaran Al Quran, yang diajar oleh seseorang guru.

Implikasi polisi ini amat penting: polisi penjajah yang sedemikian secara tak langsung memberi nilai ekonomi tambahan kepada bahasa Melayu berbanding dengan bahasa Al Quran. Kini 'harga' bahasa Melayu menjadi lebih tinggi dari nilai pelajaran agama, gaji atau upah kepada guru agama ditanggung sendiri oleh ibu bapa murid, secara tak langsung status guru bahasa Melayu ditingkatkan oleh British melalui perbezaan elaun guru. Kesan ini perlu dilihat dalam konteks zaman tersebut, di mana terdapat sikap cuai dan sambil lewa terhadap pembelajaran bahasa Melayu di kalangan rakyat pada peringkat awal kurun ke sembilan belas. Munshi Abdullah pernah mengkritik secara pedas sikap orang-orang Melayu sendiri pada zaman itu yang enggan belajar bahasa mereka sendiri, "*tiada adat di negeri ini orang taruh tempat belajar bahasa Melayu*". Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa implikasi polisi ini berjaya meningkatkan nilai ekonomi bahasa Melayu dan pelajaran Melayu setanding dengan pelajaran agama yang memang amat dipentingkan, buat suatu masa yang amat panjang, sepanjang zaman penjajahan dan mungkin melimpah hingga kini, di Singapura dan Tanah Melayu.

Kenyataan Malik Munip (1979) bahawa sistem pendidikan kolonial adalah satu '*agen pembekuan*' dengan kaum penjajah dan kaum pendatang mendominasi ekonomi, pendidikan dan politik negeri sementara kaum peribumi diberi asas yang asal-cukup untuk membolehkan mereka membaca dan mengira, boleh diterima juga untuk kedudukan di Singapura, sebuah dari tiga Negeri-negeri Selat pada masa itu. Pelajaran Melayu dalam zaman penjajah gagal memberi pendidikan yang beraneka dan pelbagai - ia hanya berjaya menanam bibit pelajaran sempit yang tidak berupaya melengkapkan masyarakat kepada dunia perniagaan dan dunia luar yang didominasi oleh bahasa Inggeris. (*Gwee Yee Hean, J. Doray, K.M. Waldhauser dan Zahoor Ahmad (1969)*). Khususnya murid-murid Melayu menjadi tidak berupaya atau '*handicap*' dalam satu komuniti yang bergantung kepada Bahasa Inggeris bagi kemajuan ekonominya.

Sebagaimana nasib murid begitulah gurunya - tingkat pelajaran dan oleh itu status guru-guru Melayu pada umumnya begitu rendah jika dibandingkan dengan guru-guru sekolah Inggeris dan Cina. Sementara guru-guru (juga murid-murid) sekolah Inggeris (dan juga Cina) mendapat peluang bersekolah tinggi dan menengah, guru-guru Melayu tidak mendapat peluang tersebut kerana ketiadaan sekolah-sekolah menengah Melayu sehingga ke zaman pendudukan Jepun dan zaman pendudukan semula British.

Semenjak Maktab Melayu di Singapura ditutup pada 1895, semua guru-guru Melayu Singapura mendapat latihan dari Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjong Malim (bagi guru lelaki) atau di Maktab Perguruan Perempuan di Melaka (bagi guru perempuan). Merekalah di antara guru-guru yang paling disegani dan dirujuk sebagai mahaguru bahasa dan sastera Melayu, pejuang bahasa dan kebudayaan Melayu yang jati. Di antara mereka, yang terkenal hingga ke Malaysia termasuk Mahmud Ahmad, Buyong Adil, Harun Aminul Rashid, Muhamad Arif Ahmad, Suratman Markasan dan lain-lain. Latihan perguruan di Semenanjung ini berlanjutan hingga selepas Perang Dunia Kedua. Baru pada tahun lepas, kumpulan terakhir guru-guru Melayu di Singapura yang dilatih di Tanah Melayu bersara.

Bagi guru-guru sekolah Inggeris, keadaan agak berbeza, latihan perguruan yang baik telah disediakan secara persendirian oleh sekolah-sekolah misi, dan juga melalui dana kerajaan. *Raffles College* yang kemudiannya menjadi Universiti Malaya di Singapura pada tahun 1956 menjadi pusat latihan guru-guru yang berkelulusan tinggi dan dapat

menghasilkan sejumlah guru-guru Inggeris yang berkelayakan. Apatah lagi dengan penubuhan **Maktab Perguruan Singapura (TTC)** pada tahun 1950, latihan perguruan guru-guru di Singapura dapat diberi telah lebih komprehensif dan sesuai dengan konteks negara.

Perkembangan Pendidikan Selepas Perang Hingga Ke Zaman Dalam Malaysia

Setelah mencapai taraf pemerintahan bersendirinya pada tahun 1959, suasana politik yang sealiran dengan Semenanjung Tanah Melayu pada masa itu memerlukan Singapura mengambil langkah-langkah yang condong ke arah perpaduan dengan Tanah Melayu dalam satu entiti politik yang lebih luas iaitu menjadi sebahagian dari Malaysia. Oleh itu Bahasa Melayu di angkat menjadi bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan yang penting bagi seluruh penduduk Singapura. Tidak hairanlah jika pada masa itu sistem pelajaran maupun polisi bahasa serupa dengan apa yang wujud dan diperjuangkan oleh Malaya pada masa itu.

..... Pembelajaran Bahasa Melayu bukan sahaja menjadi jambatan yang merangkumi keempat-empat aliran dalam pendidikan, bahkan ia juga boleh membantu kita menyeberangi Tambak Johor terus ke Persekutuan Tanah Melayu.(1)

Bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa Kebangsaan, semua risalah kerajaan disiarkan dalam keempat-empat bahasa iaitu Melayu, Mandarin, Tamil dan Inggeris. Selain dari itu semua kakitangan kerajaan diwajibkan lulus pelajaran bahasa Melayu setakat Darjah Satu. Sistem pelajaran Singapura pula menawarkan pendidikan rendah dan menengah dalam empat aliran bahasa sejajar dengan empat bahasa rasmi tersebut. Sekolah menengah Melayu yang pertama pun dibuka, mula-mula di beberapa buah sekolah tumpangan seperti di *Kallang, Monk's Hill, Siglap, Serangoon* dan *Geylang Craft Centre* kemudian menempati bangunan di *Sekolah Sang Nila Utama* dan *Tun Seri Lanang* apabila siap dibina.

Angin perpaduan dengan Malaysia menyemarakkan lagi kemahuan masyarakat Melayu Untuk mendapatkan pendidikan tinggi dalam bahasa Melayu yang menjadi bahasa terpenting dan alat penyatuan rakyat Malaysia-Singapura. Bilangan murid-murid di sekolah-sekolah rendah aliran Melayu bertambah hampir dua kali ganda dari 15,784 selepas berkerajaan sendiri kepada 28,913 pada tahun 1966, peningkatan bilangan murid di sekolah-sekolah Menengah aliran Melayu pula lebih berlipat-ganda, dari 113 orang kepada 7,389 orang murid pada tahun 1968. (lihat Jadual 1). Jadual 2 menunjukkan bilangan murid-murid di pelbagai jenis sekolah di Singapura pada tahun 1969 sebagai satu perbandingan.

Pada tahun 1968 sudah terdapat 36 buah Sekolah Rendah Melayu dan 10 buah Sekolah Menengah Melayu dan Gabungan. Murid-murid mengambil Peperiksaan Sijil Pelajaran Menengah dan Sijil Tinggi Pelajaran dalam aliran Melayu dari Lembaga Peperiksaan Malaysia - Cambridge.

Jadual 1
Bilangan Murid-murid Melayu di Sekolah-sekolah Melayu Kerajaan

TAHUN	SEKOLAH RENDAH	SEKOLAH MENENGAH	SEKOLAH TEKNIKAL & VOKESYENAL
1959	15,784	-	-
1960	18,922	133	374
1961	20,086	2,115	483
1962	22,220	3,803	587
1963	24,627	4,794	169
1964	26,538	5,798	218
1965	28,247	6,264	290
1966	28,913	6,809	629
1967	27,676	7,347	1,119
1968	26,719	7,389	1,978

Sumber: Gwee Yee Han, Doray, J. Waldhauser, K.M. Zahoor Ahmad, (1969). *150 Years of Education in Singapore*, Teachers' Training College, Singapore.

Jadual 2
Bilangan Murid di Pelbagai Sekolah dan Aliran Pada Tahun 1969

JENIS SEKOLAH	INGGERIS	CINA	MELAYU	TAMIL	JUMLAH
Kerajaan	260,323	50,022	32,347	282	342,974
Bantuan Kerajaan	49,448	117,699	-	1,313	168,460
Swasta	5,638	2,289	-	-	7,928
Jumlah	315,410	170,010	32,347	1,595	519,362

Sumber : Tan Peng Boo, *Education in Singapore*, Kementerian Pelajaran Singapura, 1969.

Latihan Guru Selepas Perang Dunia Kedua

Guru-guru Inggeris di Singapura berpeluang memperoleh latihan di *Maktab Perguruan Singapura (TTC)* sejak ia dibuka pada tahun 1950. Jadual 3 memperlihatkan bilangan guru-guru yang di latih dalam pelbagai skim. Bilangan guru-guru pelatih Melayu dilaporkan dalam ruangan "Vernakular".

Jadual 3
Bilangan Guru-guru Pelatih (Inggeris, Cina, Tamil dan Melayu) di Maktab Perguruan Singapura Sejak 1949

Tahun	Bil. Awal Tahun	Bil. Masuk	Sijil endidikan	Normal	Pos-Normal	Verna-kular	Normal Cina	Jumlah
1948/49	191	-	-	191	-	-	-	191
1949/50	146	760	37	869	-	-	-	906
1950/51	762	520	126	1,156	-	-	-	1,282
1951/52	1,099	448	161	1,386	-	-	-	1,547
1952/53	1,115	185	147	1,153	-	-	-	1,300
1953/54	805	1,117*	151	1,125	52	380	214	1,922

* 5 orang guru pelatih kemudian berhenti .

Maktab Perguruan Singapura membuka pintunya kepada guru-guru pelatih Melayu hanya pada tahun 1957. Kursus yang mula-mula diperkenalkan, dikenali dengan nama singkatan T.O.U.S (*Teachers Trained under Other Schemes*) mula mengambil 14 orang pelatih berkelulusan Darjah VII, dan bertujuan untuk dihantar bertugas di sekolah-sekolah rendah. Akhir-akhirnya TTC dapat menghasilkan 256 orang guru dari skim ini untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah di seluruh pelosok pulau itu.

Perkembangan pesat pendidikan Melayu dalam fasa ini dari segi kuantiti, terutama bagi sekolah menengah perlu ditampung dengan pengambilan guru yang bukan sahaja mencukupi tetapi juga berkelayakan. Dalam hal ini perlu diiktiraf daya inisiatif dan semangat sedia berbakti guru-guru Melayu Singapura waktu itu. Sebahagian daripada guru-guru Inggeris berbangsa Melayu yang mempunyai kelayakan mengajar subjek-subjek pelajaran menengah disalurkan untuk mengajar matapelajaran tersebut dalam bahasa Melayu. Ini kerana di sekolah-sekolah Menengah aliran Melayu ini didapati semua mata pelajaran kecuali bahasa Inggeris diajar dalam bahasa tersebut. Terjemahan bahan-bahan mengajar dan buku-buku teks terpaksa dibuat sebelum Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan buku-buku yang diperlukan dalam sesuatu pengajaran-pembelajaran. Guru-guru SITC yang kebanyakannya mengajar bahasa dan sastera Melayu ditugaskan mengajar sama ada di aliran Melayu atau pun di sekolah-sekolah aliran Inggeris dan Cina yang sangat-sangat memerlukan guru-guru bahasa Melayu dengan banyaknya.

Perkembangan pendidikan menengah Melayu ini memberi peluang kerjaya guru-guru aliran Melayu yang lebih banyak kepada para lulusan sekolah menengah kumpulan awal. Seajar dengan bilangan murid-murid di sekolah-sekolah aliran Melayu yang meningkat tahun demi tahun maka pengambilan guru-guru aliran Melayu untuk **Sijil Pendidikan**, buat pertama kalinya dibuka di Maktab Perguruan Singapura, pada tahun 1964. Ini ialah kursus separuh masa selama tiga tahun untuk guru-guru aliran Melayu

yang lulus Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Pelajaran Cambridge dengan mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Tiga dan Kepujian dalam tiga mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu. Kurikulum latihan guru-guru pelatih ini menunjukkan bahawa terdapat empat kumpulan kursus utama iaitu 1) Bahagian Kursus Pendidikan 2) Bahasa 3) Subjek Pilihan 4) Subjek Tambahan. Kursus pendidikan pula boleh dibahagikan kepada Pendidikan Profesional (prinsip pendidikan, Psikologi pendidikan, Kaedah Mengajar, Alat Pandang-dengar, Latihan bertutur) , Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Estetika (Musik, Lukisan dan Kraf Tangan), Pendidikan Moral dan Kewarnegaraan dan Aktiviti Ektra Kurikular.

Sebelum ini ada juga dilatih guru-guru dwibahasa Melayu / Inggeris (yang digelar Malay wing) yang lulus Sijil Pelajaran Cambridge ditugaskan mengajar mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah menengah. Pada tahun 1968 sudah ada 1,830 orang guru Melayu di bawah jawatan pemerintah - 1,250 di sekolah rendah dan 490 mengajar di sekolah menengah gabungan, 3 orang di sekolah Melayu Penuh, 87 orang di pelbagai jenis sekolah-sekolah Bantuan Pemerintah. Trend kenaikan ini mungkin berlaku terus menerus jika tidak berlaku suatu peristiwa politik bersejarah yang mengakibatkan perubahan besar dalam semua bidang di Singapura.

Perkembangan Bahasa Setelah Berpisah Dengan Malaysia

Sejak tahun 1959 perhatian terhadap isu-isu bahasa menjadi asas pemikiran dan perkiraan utama sistem pendidikan Singapura, sebab itu apabila Singapura dalam Malaysia, bahasa Melayu dan pendidikan dalam bahasa itu diutamakan dalam sistem pelajaran. Apabila Singapura keluar secara mendadak dari Malaysia, satu pemikiran semula terpaksa dilakukan. Penumpuan kini diberi untuk soal penakatan republik ini dan pendidikan sumber manusia dikenalpasti sebagai jentera yang dapat membawa kemajuan-kemajuan ekonomi bagi sebuah negara yang tidak mempunyai sumber-sumber asli ini. Dalam beberapa hal, garis kasar polisi bahasa dan pendidikan tidak berubah: Bahasa Melayu masih menjadi bahasa Kebangsaan (lebih sebagai hiasan meja yang tidak disentuh) dan masih menjadi salah satu bahasa rasmi yang diajar dari sekolah rendah ke peringkat prauniversiti, tetapi untuk tujuan-tujuan yang pragmatik Bahasa Inggeris yang sememangnya 'Bahasa Tinggi' dalam tingkat sociolinguistik, digalakkan menjadi bahasa pertama atau bahasa terpenting dalam sistem persekolahan nasional. Secara beransur-ansur bahasa ini (bahasa Inggeris) kemudian menjadi bahasa yang terutama dalam semua domain penggunaan, kecuali dalam domain rumahtangga, budaya dan agama, di mana bahasa-bahasa kedua (Mandarin, Melayu dan Tamil) masih dapat bertahan. Jadual 4 membandingkan peratusan penduduk (mengikut bangsa) yang berumur ke atas dari 15 tahun yang menguasai bahasa-bahasa rasmi di Singapura pada tahun 1957 dan 1978. Dari Pada tahun 1957 hanya 48% dari semua bangsa di Singapura boleh bertutur dalam bahasa Melayu tetapi menjelang tahun 1978, 67.3% penduduk boleh memahami bahasa kebangsaan ini.

Seterusnya dari *Census of Population 1990 Advanced Data Release* di dapati 13.9% daripada semua rumahtangga menggunakan bahasa Melayu pada tahun 1980, angka ini merosot ke 13.4% untuk tahun 1990 (yang berdasarkan 10% sampel). Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa yang paling kerap digunakan dirumahtangga merosot di kalangan semua bangsa pada tahun 1990; di kalangan orang-orang Melayu sendiri peratusan penggunaannya pada tahun 1980 ialah 96.7% tetapi pada tahun 1990 peratusannya menurun kepada 94.3%.

Jadual 4
Peratusan penduduk (mengikut bangsa) yang berumur ke atas dari 15 tahun yang menguasai bahasa-bahasa rasmi di Singapura pada tahun 1957 dan 1978

Bangsa	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Mandarin	Bahasa Tamil	Bahasa Hokien
<u>Melayu</u>					
1957 (boleh bertutur)	99.4%	23.5%	b	b	b
1978 (memahami)	100.0%	84.2%	3.0%	1.3%	15.8%
<u>Cina</u>					
1957 (boleh bertutur)	32.5%	18.0%	26.7%	b	b
1978 (memahami)	58.1%	56.1%	82.1%	0.2%	97.0%
<u>India</u>					
1957 (boleh bertutur)	88.3%	35.5%	b	76.7%	b
1978 (memahami)	97.4%	67.0%	1.7%	79.1%	8.7%
<u>Jumlah</u> ^(a)					
1957 (boleh bertutur)	48.0%	22.2%	19.9%	8.2%	b
1978 (memahami)	67.3%	61.7%	63.9%	6.0%	77.9%

(a) termasuk lain-lain bangsa

(b) data tidak diperolehi

Sumber sekunder : Eddie C. Y. Kuo 1970

Perkembangan Sistem Pendidikan Setelah Berpisah Dengan Malaysia'

Ini merupakan zaman konsolidasi pendidikan nasional. Rombakan terpenting yang berkaitan dengan bahasa ialah pengenalan polisi dwibahasa yang mewajibkan semua murid mempelajari sekurang-kurangnya dua bahasa, iaitu Bahasa Pertama atau bahasa pengantar sebahagian besar mata pelajaran di sekolah-sekolah rendah dan menengah, dan Bahasa Kedua iaitu satu bahasa lain yang dipilih dari empat bahasa rasmi iaitu Inggeris, Mandarin Melayu dan Tamil. Dengan ini Bahasa Pertama sekolah aliran Melayu ialah BM sementara Bahasa Keduanya ialah bahasa Inggeris, bagi sekolah Cina dan Tamil Bahasa Pertamanya ialah bahasa Mandarin dan Tamil sementara Bahasa Keduanya jugalah bahasa Inggeris. Sekolah aliran Inggeris pula mengajar bahasa itu sebagai Bahasa Pertama dan ketiga-tiga bahasa rasmi yang lain itu sebagai Bahasa Kedua mengikut bahasa ibunda pilihan ibu bapa murid atau bahasa ibunda mereka. Kemudian beberapa tahun kemudian polisi menetapkan bahasa kedua seseorang murid mengikut kumpulan etnik masing-masing dikuat-kuasakan: murid-murid Cina termasuk mereka yang lebih suka mengambil bahasa Melayu sebelum ini terpaksa mengambil Mandarin sebagai bahasa kedua, murid-murid berbangsa Melayu mesti mengambil bahasa Melayu dan murid-murid India mengambil bahasa Tamil kecuali mereka bukan berbahasa Tamil di rumah.

Peratus pendedahan terhadap bahasa pertama dan kedua berubah-ubah, bagi aliran Melayu, keperluan menguasai bahasa Inggeris menyebabkan bahasa itu dijadikan bahasa pengantar bagi subjek Matematik dan Sains.

Perubahan besar yang menjejaskan sistem persekolahan pada tahun-tahun ini ialah dari segi ramainya bilangan ibu bapa dari semua golongan bangsa yang menghantar anak-anak

mereka ke sekolah-sekolah Inggeris kerana nilai ekonomi bahasa itu . Dengan ini terkuburlah sekolah-sekolah Tamil, kemudian sekolah-sekolah Melayu dan akhirnya Sekolah Gabungan Melayu-Inggeris. Sekolah-sekolah Cina tidak terkubur semuanya kerana timbulnya dasar penyelamat *Special Assistance Plan (SAP)* pada tahun 1978 yang membantu meningkatkan kualiti sekolah Cina menjadi 'super schools' yang mengajar kedua-dua bahasa Inggeris dan Mandarin sebagai bahasa pertama. Untuk menguatkan pembelajaran Mandarin, pada tahun yang sama 67 buah sekolah rendah aliran Cina membuka kelas-kelas prasekolah (*preprimary*) yang hanya mengajar bahasa Inggeris dan Cina sahaja. Perkara yang sama tidak dinikmati oleh sekolah-sekolah aliran Tamil dan Melayu.

Tamatnya persekolahan aliran Melayu, tidak bermakna bahasa Melayu tidak *ada tempat duduk belajar* kerana kini murid-murid Melayu sekolah-sekolah seluruh negara mempelajarinya sebagai Bahasa Kedua yang diperlukan kelulusannya untuk memasuki peringkat prauniversiti dan universiti. Pada awalnya Dasar Pendidikan Singapura (lihat Lampiran A) yang digubal hasil dari Laporan Goh 1978, murid-murid dialirkan kepada kursus-kursus Ekspres, Normal dan Ekabahasa mengikut pencapaian mereka dalam peperiksaan nasional, bahasa Melayu diajar pada tahap bahasa Kedua sahaja, tetapi kemudiannya sejak tahun 1986, ia boleh diajar sebagai Bahasa Pertama kepada murid-murid Melayu yang termasuk di kalangan 8% murid-murid yang terbijak berdasarkan Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE).

Perkembangan Latihan Perguruan Melayu dalam Tahun 1970-an

Kemerotan bilangan murid di sekolah-sekolah aliran Melayu dan terkuburnya sekolah-sekolah gabungan Melayu menandakan berakhirnya zaman puncak perguruan Melayu. Ini ialah fasa penyesuaian. Semenjak sebelum tahun 1973 apabila Maktab Perguruan Singapura, Sekolah Pendidikan Universiti Singapura dan Unit Penyelidikan Kementerian Pelajaran Singapura dirangkum menjadi **Institut Pendidikan (IE)** dengan matlamat utama melatih guru-guru yang lebih tinggi kelulusan masuk (Peringkat G.C.E. 'A') dalam pelbagai bidang mengajar di pelbagai peringkat, guru-guru aliran Melayu tiada lagi dilatih.

Zaman penuh cabaran bagi guru-guru Melayu terutama dalam konteks bilangan guru Melayu yang berlebihan (*oversupply*), sebahagian dari mereka balik semula mengajar mata pelajaran bukan bahasa dalam bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah dan menengah jika mereka mempunyai kelayakan dan keyakinan yang cukup. Ada pula yang menjadi guru bahasa Melayu setelah bertahun-tahun mengajar subjek lain. Sebahagian besar dari guru-guru bahasa Melayu ini tidak dilatih khusus untuk mengajar bahasa itu; untunlah pada masa itu Kumpulan Bahasa Melayu Sekolah Rendah (MAPS) dan itu Kumpulan Bahasa Melayu Sekolah Menengah (MASS) Institut Perkembangan Kurikulum Singapura mula menyediakan buku-buku teks dan alatan mengajar bahasa dengan lebih sistematik.

Pendidikan keguruan pada zaman ini yang dikenalpasti oleh Sim Wong Kooi dan Ho Wah Kam (1990) dalam tinjauan mereka tentang pendidikan keguruan di Singapura sejak 25 tahun setelah kemerdekaan, sebagai peringkat untuk memperbaiki keadaan latihan perguruan tidak sesuai untuk menyatakan keadaan guru-guru Melayu kerana dalam tahap tersebut seperti dinyatakan awal tadi, tidak ada pengambilan guru-guru Melayu dilakukan.

Jabatan Melayu Institut Pendidikan dalam masa hampir 10 tahun hanya melatih guru-guru aliran bukan Melayu dalam Bahasa Kedua mereka dan juga segelintir guru-guru dari Brunei dalam kursus khas. Bagi guru-guru bahasa Melayu di sini, ditawarkan kursus-kursus pendek dalam perkhidmatan untuk meningkatkan penguasaan bahasa mereka ataupun melatih mereka dalam perkaedahan yang bersangkutan dengan pengajaran bahasa Melayu. Di antara kursus-kursus yang diperkenalkan ialah Kursus Ejaan Baru untuk guru-guru sekolah rendah dan menengah, kursus penilaian bahasa dan Kaedah Mengajar bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua.

Dalam Dasar Pelajaran Baru, isu-isu bahasa masih menjadi tonggak pendidikan nasional, murid-murid dididik supaya menguasai bahasa Inggeris dengan sebaik mungkin, di samping dapat menguasai bahasa ibunda masing-masing secukupnya. Susulan dari ini timbul kekhawatiran di setengah-setengah pihak bahawa penguasaan bahasa Barat itu boleh mengakibatkan terhakisnya nilai-nilai budaya asal pelajar-pelajar dalam keghairahan mereka 'menganut' budaya Barat secara sewenang-wenangnya. Maka di bahu guru-guru bahasa kedua terletak tugas untuk menerapkan nilai-nilai murni ketimuran dan kebudayaan yang tercermin dalam sesuatu bahasa ibunda itu.

Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 1978 dimasukkan juga secara langsung atau tidak hal-hal yang menyangkut tradisi dan budaya Melayu seperti cerita-cerita rakyat, legenda, mitos, pantun, syair dan simpulan bahasa. Dengan masuknya pelajaran Agama Islam dalam kurikulum Menengah Tiga, tugas guru-guru Melayu menjadi lebih luas, kerana merekalah yang dikerahkan berperanan sebagai Ustaz dan Ustazah setelah menerima latihan khas dari Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Walaupun pelajaran ini ditiadakan dari jadual waktu biasa lima tahun lalu, tetapi pengalaman ini memperkaya dan memantapkan kedudukan guru-guru ini kerana sifat fleksibel mereka dalam menangani pelbagai perubahan kurikulum. Lebih-lebih lagi apabila lulusan Sijil Pendidikan dengan Pengkhususan dalam Pengajaran Bahasa Melayu didapati mudah dan berjaya 'menyeberang' ke bahagian Inggeris. Keupayaan berbahasa Inggeris, guru-guru yang belajar dalam bahasa Melayu, diakui oleh bekas Perdana Menteri apabila beliau membuat perbandingan ini dengan guru-guru Cina dan Tamil.

Perkembangan Pendidikan dan Latihan Guru Terkini

Dinamika pendidikan tidak akan berhenti, kecemerlangan dan keunggulan pendidikan sentiasa diusahakan. Beberapa laporan kajian yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran, Institut Pendidikan dan orang perseorangan mendedahkan beberapa kegenjuan sistem yang condong ke arah pencapaian akademik untuk kemaslahatan ekonomi. Dalam masa Dr Tony Tan menjadi Menteri Pendidikan, *fine-tuning* sistem pendidikan dilakukan - umpamanya pengaliran murid-murid sekolah rendah dilakukan selepas empat tahun persekolahan dan bukannya pada tahun tiga. Murid-murid dialirkan ke Kursus EM1 (Bahasa Inggeris dan Ibunda sebagai Bahasa Pertama), EM2 (Bahasa Inggeris dan Ibunda sebagai Bahasa Kedua) atau EM3 (Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda sebagai Bahasa Ketiga) bagi murid-murid yang lembab dari peringkat Primary 5 lagi. Di sekolah menengah lebih banyak peluang mempelajari bahasa ibunda sebagai bahasa pertama ditawarkan. Yang pentingnya ialah ramai murid-murid dalam kursus Normal dan Ekabahasa yang dahulunya tidak berpeluang menjejakkan kaki mereka di sekolah menengah kini berpeluang masuk ke sekolah menengah dalam aliran Normal Teknikal dan Normal Akademik. (lihat Lampiran B)

Pencapaian murid semua kaum dalam pelbagai peringkat peperiksaan kini bertambah baik. Dalam hal penguasaan bahasa, murid-murid Melayu masih memperoleh keputusan yang baik dalam peperiksaan bahasa Melayu sama ada dalam Program Bahasa Pertama atau Bahasa Kedua; meskipun demikian terdapat kekhawatiran dengan kurangnya penguasaan bahasa itu dalam aspek pertuturan. Ini tidaklah menghairankan kerana hampir semua generasi muda kini menggunakan bahasa Inggeris di sekolah dan semakin ramai keluarga Melayu (10.1%) menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa yang paling kerap digunakan di rumah.⁽²⁾

Pendidikan guru (bukan hanya latihan guru) dipertingkat dengan memajukan fungsi IE dalam penyelidikan bercorak pendidikan dan pendidikan guru-guru siswazah, pengetua, dan Ketua Jabatan. Semenjak pertengahan tahun 1980-an telah mula **diperkenalkan Sijil Pendidikan dengan Pengkhususan dalam Pengajaran Bahasa Melayu** bagi guru-guru pelatih yang lulus Sijil Tinggi Persekolahan dan Peringkat 'A', dan juga **Diploma Pendidikan** untuk para graduan Universiti Nasional Singapura (NUS). Bermula dengan 17 orang guru pelatih Kursus SP (Melayu) terus berkembang hingga IE kemudian berubah menjadi **Institut Pendidikan Nasional (NIE)** pada Julai 1991 dan seterusnya hingga kini menjadi sebahagian dari universiti kedua Singapura iaitu **Universiti Teknologi Nanyang (NTU)** yang tertubuh pada awal 1992.

Bentuk kurikulum guru-guru pelatih ini berbeza dengan apa yang diajar kepada guru-guru Melayu jati aliran Melayu dahulu. Aspek teori pendidikan dan amalan atau praktikum diolah secara lebih bersepadu dengan penumpuan kepada kurikulum, sukatan, bahan dan alatan mengajar yang lebih menjurus ke satu-satu peringkat dan program persekolahan. Selain dari itu modul latihan 'literasi berkomputer' dan pembangunan individu dan peribadi seperti komunikasi lisan dan tulisan juga diberatkan. Dalam modul 'komunikasi untuk bilik darjah Melayu' para pelatih berpeluang berinteraksi dan oleh itu menggugurkan kekekakan mereka berbahasa Melayu baku dan formal - sejenis situasi yang semakin kurang dijumpai di Singapura.

Sekarang program Sijil Pendidikan diberi imej baru dengan nama **Diploma Pendidikan** sementara Diploma yang lama digelar **Diploma Pendidikan Pos siswazah (PGDE)**. Dengan kedua kursus sebagai tulang belakang Unit Bahasa dan Kebudayaan Melayu, NIE / NTU, ditambah dengan **kursus Diploma Pendidikan Lanjutan (Bahasa Melayu)**, kursus-kursus dalam Perkhidmatan sepenuh masa seperti kursus **Diploma Pendidikan Lanjutan (Bahasa Melayu (FPDE))**, matlamat kepelbagaian dan peningkatan mutu kursus secara kualitatif mungkin dapat dicapai. Matlamat terakhir NIE / NTU dari segi ketinggian kursus ialah penyediaan guru-guru siswazah Melayu dalam Pendidikan Bahasa Melayu yang belum pernah ditawarkan di sini sejauh ini. Kursus ini berbeza dengan kursus Pengajian Bahasa dan Kebudayaan Melayu yang boleh didapati dari NUS, kerana matlamat dan penekanan Program empat tahun ini menjurus kepada penyediaan 'guru-guru siswazah yang berkelayakan mengajar Bahasa Melayu' untuk sekolah-sekolah di Singapura.

Kesimpulan

Kertas kerja ini telah cuba melakarkan secara ringkas perkembangan pendidikan Melayu di Singapura dan implikasinya terhadap profesi dan bentuk latihan perguruan. Pasang surutnya latihan perguruan dalam bahasa Melayu ditinjau melalui tahap-tahap sistem pendidikan dari peringkat pengenalan pelajaran Melayu membawa ke zaman penjajahan, selepas perang sebelum kemerdekaan, apabila Singapura dalam Malaysia dan seterusnya hingga ke Laporan Goh Keng Swee dan Tony Tan.

Tiga fasa utama dalam pendidikan guru dapat dikenalpasti:

1. Tahap Awal semasa Maktab Perguruan Singapura (1895 - 1905)
2. Tahap Guru-guru Melayu Jati - Maktab Perguruan Melaka dan Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanah Melayu.
3. Tahap Guru-guru Aliran Melayu - Maktab Perguruan Singapura (1957 - 1972).
4. Tahap Permulaan Guru-guru Dwibahasa Melayu-Inggeris Institut Pendidikan Singapura (1973 - 90)
5. Tahap Guru Karyawan Melayu dari 1991 hingga kini.

Tahap satu hingga 3 merupakan tahap perkembangan guru-guru Melayu lepasan Sekolah Melayu dari segi kuantiti yang berakhir dengan zaman Singapura keluar dari Malaysia. Tahap 4 dan 5 ialah peringkat penjawatan guru-guru lulusan sekolah-sekolah aliran nasional yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa Pertama dan bahasa Melayu sebagai salah satu subjek di peringkat 'O' dan 'A' dalam Peperiksaan Sijil Am dan sijil Tinggi Pelajaran. Saya sengaja menamakan kategori *Guru Karyawan* kepada guru-guru *Dwibahasa* yang dilatih dalam institusi peringkat universiti (NTU) sama ada sebagai mahasiswa ataupun tidak, memandangkan pemusatan kurikulum kepada modul yang lebih mementingkan mutu dan kemahiran guru sebagai seorang karyawan.. Lebih-lebih lagi imej karyawan Melayu lebih terserlah dengan tertubuhnya suatu Angkatan Karyawan Melayu-Islam dari profesi guru dan bukan guru pada tahun tersebut.

Ketrampilan guru dan murid bergantung pada sistem pendidikan sesebuah negara dan sistem ini pula bergantung pada wawasan sesebuah negara. Nasib pelajar-pelajar dan guru-guru Melayu amat bergantung kepada keutuhan bahasa Melayu dan sejauh mana peranannya dalam menjayakan wawasan tersebut.

Nota kaki

- (1) People's Action Party, *The Tasks Ahead: The People's Action Party's Five Year Plan, 1959 - 1964* (dipetik dari Dudley de Souza (1980). *The Politics of Language: Language Planning in Singapore*, dalam *Language and Society in Singapore* (eds Afendras, E.A. dan Kuo C.Y.)
- (2) *Straits Times* 24 November 1990.

RUJUKAN

- Awang had Salleh (1980). Pendidikan ke Arah Perpaduan: Satu Perspektif Sejarah, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Doraisamy, T.R., Wong, Ruth H.K., Sim Wong Kooi dan Eng Soo Peck, (1990) Teacher Education in Singapore, Change and Continuity in Curricular Perspectives. Institute of Education, Singapore,
- Eddie C.Y. Kuo (1980). the Sociolinguistic situation in Singapore: Unity in Diversity , dalam a. A. Afendras and Eddie C.Y. Kuo (ed). Language and Society in Singapore , Singapore: Singapore University Press.
- Malik Munip, (1980) Dekolonisasi Sistem Pendidikan Negara: Satu Perspektif Sejarah dalam Awang had Salleh (1980). Pendidikan ke Arah Perpaduan: Satu Perspektif Sejarah, Kuala Lumpur: Fajar Bakti
- Gwee Yee Han, Doray, J. Waldhauser, K.M. Zahoor Ahmad, (1969). 150 Years of Education in Singapore, Teachers' Training College, Singapore.
- Lau Wai Har (1972). Qualitative Evaluation for Primary Teacher Education in Singapore, IIEP Occasional Papers , UNESCO: International Institute for Educational Planning, France.
- Sim Wong Kooi & Ho Wah Kam (1990) 25 Years of Teacher Education. dalam Yip, John, Sim Wong Kooi, (Eds.) Evolution of Educational Excellence, 25 Years of Education in the Republic of Singapore, Longmans, Singapore.


SISTEM PENDIDIKAN SINGAPURA 1969

Tahun									
18	UNIVERSITI SINGAPURA (E) UNIVERSITI NANYANG (C)		MAKTAB TEKNIKAL NGE E ANN (C) POLITEKNIK SINGAPURA (E) MAKTAB PERGURUAN SINGAPURA (E C M T)			kelas kraf LPD		LEMBAGA PELAJARAN DEWASA	
17									
16									
15									
14	KELAS PRA-UNIVERSITY (E C M) MAKTAB RENDAH (E C)		INSTITUT TEKNIKAL S'PURA (E) INSTITUT TEKNIKAL (C)		INSTITUT TEKNIKAL (C)		LEMBAGA PELAJARAN DEWASA		
13									
12	SEKOLAH MENENGAH (akademik ,teknikal, perniagaan) (E C M T)			PUSAT-PUSAT LATIHAN DAN INSTITUT VOKESYENAL (E C)			LEMBAGA PELAJARAN DEWASA		
11									
10	SEKOLAH MENENGAH (E C M T)		SEKOLAH MENENGAH VOKESYENAL (E C)		PUSAT LATIHAN INDUSTRI (E C)		LEMBAGA PELAJARAN DEWASA (E C M T)		
9									
8	SEKOLAH RENDAH (biasa 6 tahun) (E C M T)								
7									
6									
5									
4									
3									
2	TADIK A (opsional)								
1									

Lambang

E- Inggeris, C -Mandarin, M - Melayu, T- Tamil
 PSLE - Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah
 SC - sijil Persekolahan
 TC - Trade Cert. (Sijil Perniagaan)
 CC - Craft Cert. (Sijil Pertukangan)
 HSC - Sijil Tinggi Pelajaran
 ACC - Advanced Trade Cert (Sijil Pertukangan Lanjutan)
 CE - Sijil Pendidikan
 DE - Diploma Pendidikan

SISTEM PENDIDIKAN SINGAPURA 1979



Lambang

↑ pergerakan lateral
 P4S Primary 4 Spesial
 P4E Primary 4 Ekspres
 P4N Primary 4 Ekspres

Lambang

S1S Menengah 1 Spesial
 S1E Menengah 1 Ekspres
 S1N Menengah 1 Normal
 JC Junior College

Lambang

NUS- Universiti Nasional S'pura
 NTI Institut Teknologi Nanyang
 SP Politeknik S'pura
 NAP Politeknik NgeeAnn

**BAHASA UTAMA DI RUMAH DI KALANGAN PELBAGAI KAUM
1980 DAN 1990**

BAHASA	1980	1990
RUMAHTANGGA CINA		
Inggeris	10.2	20.6
Mandarin	13.1	32.8
Dialek-dialek Cina	76.2	46.2
Lain-lain	0.5	0.4
RUMAHTANGGA MELAYU		
Inggeris	2.3	5.5
Melayu	96.7	94.3
Lain-lain	1.0	0.2
RUMAHTANGGA INDIA		
Inggeris	24.3	34.8
Melayu	8.6	13.5
Tamil	52.2	43.7
Lain-lain	14.9	8.0
SEMUA RUMAHTANGGA		
Inggeris	11.6	20.3
Mandarin	10.2	26.0
Dialek-dialek Cina	59.5	36.7
Melayu	13.9	13.4
Tamil	3.1	2.9
Lain-lain	1.7	0.7